

KPDNHEP lakukan serbuan rampas gula-gula berasap dijual 50 sen satu peket

Peniaga sorok 'Ghost Smoke'

Oleh NORLIDA AKMAR IDROS dan SHARKAWI LONDING

JOHOR BAHRU – Peniaga dan penjaja yang menjual gula-gula berasap 'Ghost Smoke' di sekitar kawasan sekolah di negeri ini dipercayai sudah bertindak menyembunyikan produk makanan itu daripada dijual kepada kanak-kanak.

Mereka bertindak menyembunyikan makanan ringan itu selepas video tular sejali minggu lalu menunjukkan kanak-kanak berpakaian sekolah menghisap gula-gula 'Ghost Smoke' sebelum mengeluarkan asap seolah-olah seperti menghisap rokok.

Gula-gula tersebut kini menjadi kegilaan murid-murid sekolah rendah sehingga melahirkan kebingaman dalam kalangan ibu bapa.

Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) negeri Johor, Mohd. Hairul Anuar Bohr berkata, taktik peniaga menyorok gula-gula itu beriku-



GULA-GULA 'Ghost Smoke' berharga 50 sen satu peket yang dirampas KPDNHEP dalam pemeriksaan ke atas beberapa premis runcit dan borong di sekitar Kulim, Kedah semalam.

tan pemeriksaan pihaknya ke atas 137 buah premis penjaja dan peniaga makanan ringan seluruh negeri ini.

Katanya, melalui pemeriksaan itu pihaknya tidak menemui gula-gula berasap, namun berjaya mengesahkan syarikat pemborong makanan ringan di Masai, Pasir Gudang di sini yang disyaki memasarkan makanan tersebut.



MOHD. HAIRUL menunjukkan barang rampasan 'Ghost Smoke' dalam serbuan di Masai pada sidang akhbar di Menara Anصار, Johor Bahru semalam.

"Hasil pemeriksaan ke atas premis pemborong itu, pihak kita merampas lima kotak mengandungi 150 peket gula-gula berasap bernilai RM37.50.

Berdasarkan maklumat harga jualan kepada peruncit adalah sekitar RM7.50 sekotak dan peruncit menjual kepada pelajar se-

kolah 50 sen satu peket," katanya pada sidang akhbar di Menara Ansar di sini semalam.

Tambah Mohd. Hairul, beliau tidak menolak kemungkinan bekalan itu diimport sebelum dipasarkan di negeri ini namun pihaknya masih menyiasat jumlah bekalan gula-gula diperolehi.

"Pihak kami akan melakukan siasatan terperinci ke atas barang dirampas kerana maklumat, kandungan serta label logo halal diragui," jelasnya.

Sementara itu, di Kedah pihak KPDNHEP merampas sebanyak empat kotak gula-gula 'Ghost Smoke' di sebuah kedai runcit di sekitar Pekan Mahang, Kulim kelmarin.

Dalam operasi kira-kira pulak 9.30 pagi itu, kotak tersebut mengandungi 108 peket 'Ghost Smoke' dianggarkan berjumlah RM54 dijual di premis tersebut.

Ketua Pegawai Penguat Kuasa Daerah KPDNHEP Kulim, Mohd. Fazly Edros memberitahu, pihaknya memandang serius peniaga yang menjual gula-gula tersebut selepas penggunaannya dalam kalangan pelajar sekolah tular baru-baru ini.

"Tindakan mengikut Seksyen 5 Akta Perihal Dagangan 2011, jika sabit kesalahannya penjual boleh denda RM100,000 atau penjara tidak lebih tiga tahun atau kedua-duanya sekali," katanya.